

Headline	UMUM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Feb 2014	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	173,387
Page No	29	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	125 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,886



## UMUM

■ MAAF andainya ada yang terasa dengan komen saya tempoh hari. Kita ada cara masing-masing dalam mendidik anak kita. Ringkasanya kalau kita tak mahu anak kita didenda atau diaibkan, pastikan anak kita siap kerja rumah yang diberi.

**019-944XXXX**

■ MEMANG orang Melayu mudah lupa, baru merantau sepeluang sudah lupa baha!

**PEDRO**

■ SAYA sokong 100 peratus tulisan **Wirawati Merah**, dulu saya pun pesan de-nungan anak saya jangan cari suami orang Kelantan, syukur dapat orang Terengganu, orang Johor atau negeri lain.

**012-752XXXX**

■ PADA hari Jumaat pukul 9.30 pagi, segmen *Fikrah* di RTM baru-baru ini ada iklan menyatakan Datuk Siti Nurhaliza akan muncul dan program itu tetapi penonton berasa tertipu, sampai habis rancangan tak muncul-muncul Datuk Siti Nurhaliza?

**PENONTON HAMPA**

■ APA sudah jadi negara kita! Kerajaan sibuk nak bendung kenaikan harga barang dan mengekalkan bayaran tol, bagaimanapun nampak satu pihak lain dengan bangganya menaikkan kadar insurans kereta?

**013-701XXXX**

■ SYABAS SPRM kerana menangkap dan mengheret mereka yang menyeleweng di-sel subsidi ke mahkamah serta men-

dakwa mereka yang terlibat. Bila kerajaan bagi diesel subsidi diselewengkan, kalau tak diberi katakan kerajaan zalim.

**XSM**

■ SAYA sokong SPRM mengambil tindakan ke atas pemberi dan menerima rasuah lebih-lebih lagi ke atas penjawat awam yang menerima rasuah.

**017-944XXXX**

■ PELIK tapi benar. Itulah yang terjadi pada saya. Pergi ke kaunter Tabung Haji untuk kemaskini buku akaun bagi baryaran bonus yang telah diumumkan. Hanya buku akaun saya sahaja yang boleh dikemaskinikan tapi tidak buku akaun suami dan empat buku akaun anak saya. Alasan diberikan petugas Tabung Haji hanya tuan diri yang boleh kemaskini sendiri?

**013-904XXXX**

■ JAKET dan aksesori polis mudah dibeli dengan bebas oleh orang ramai. Perkara ini boleh mengelirukan dan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap kewibawaan pasukan polis. Selain itu juga akan membebankan tugas polis menangkap mereka yang menyamar sebagai anggota polis.

**019-957XXXX**

■ PANDUAN minum susu kotak. Pertama lihat tarikh luput, kedua hidu dan ketiga rasa. Keempat jangan pakai loceng.

**BAKUGAN**